

1. Baca petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Naim dan adiknya hendak bermain di taman permainan di kawasan perumahan mereka. Malangnya, hajat mereka tidak kesampaian sebaik-baik mereka tiba di taman permainan itu. Alangkah terkejutnya mereka apabila melihat semua permainan di taman itu tidak boleh digunakan lagi.

“Seharusnya, keadaan seperti ini tidak berlaku. Taman permainan ini merupakan kemudahan awam yang disediakan untuk membolehkan kanak-kanak bermain dalam keadaan yang selamat dan selesa. Hai, entah siapalah yang merosakkan semua permainan di sini! Eloklah kita pulang sahaja,” kata Naim kepada adiknya.

Sebaik sahaja tiba di rumah, Naim menceritakan keadaan yang dilihat kepada ibu dan ayahnya. Sebagai ahli jawatankuasa Persatuan Penduduk di kawasan perumahan tersebut, ayah Naim berjanji akan berbuat sesuatu untuk menangani keadaan tersebut.

Hasil perbincangan yang diadakan, semua penduduk bersepakat untuk bergotong-royong membersihkan taman permainan kanak-kanak tersebut demi keselesaan dan keselamatan anak-anak. Permainan-permainan yang rosak dibaiki dan diganti semula. Pokok-pokok bunga ditanam untuk mewujudkan suasana yang tenang dan damai.

Notis yang mengingatkan semua penduduk agar menjaga dan menghargai taman permainan itu turut dipasang. Naim yang turut serta dalam aktiviti tersebut berasa gembira apabila melihat taman permainan mereka yang baru. Dia berharap agar semua penduduk di kawasan perumahannya akan berubah sikap dan menghargai kewujudan taman permainan berkenaan.

Pada petang itu, Naim, adiknya dan kanak-kanak yang lain di kawasan perumahan itu bermain dengan gembira sekali.

1. Tujuan Naim dan adiknya pergi ke taman permainan adalah untuk
 - A berbual-bual
 - B berbincang
 - C bersenam
 - D bermain

2. Apakah kepentingan taman permainan?
 - A Membolehkan Naim dan adiknya sahaja bermain di taman permainan
 - B Membolehkan orang ramai menyedari kepentingan kemudahan awam
 - C Membolehkan kanak-kanak bermain dengan selesa dan selamat
 - D Mendidik orang ramai agar lebih bertanggungjawab

3. Yang berikut ialah pernyataan tentang petikan, **kecuali**
- A Ayah Naim ialah salah seorang daripada ahli jawatankuasa Persatuan Penduduk di kawasan perumahan mereka
 - B Penduduk di kawasan perumahan Naim sentiasa menjaga kemudahan awam dengan baik
 - C Taman permainan adalah antara kemudahan awam yang perlu dijaga dengan baik
 - D Penduduk di kawasan perumahan Naim sentiasa bermain di taman
4. Bagaimanakah penduduk melahirkan suasana yang tenang di taman permainan tersebut?
- A Menjaga permainan-permainan yang ada di situ
 - B Menggalakkan anak-anak mereka bermain di situ
 - C Menanam pokok-pokok dan pelbagai jenis pokok bunga
 - D Menampal notis yang mengingatkan penduduk agar menghargai taman permainan tersebut

2. Baca sajak di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Wahai adikku,
jagalah tutur katamu
usah kau keluarkan kata-kata yang berbisa
kata-kata nista yang mengguris hati
ketika berbicara
bicara manis menyenangkan halwa telinga.

Wahai adikku,
jagalah tingkah lakumu
hindari perbuatan-perbuatan yang tidak baik
usah dihancurkan masa hadapan
demi kehidupan yang cemerlang dan gemilang

Marilah adikku,
amalkan nilai murni yang mulia
berbudi bahasalah pada setiap ketika
menyenangkan mata yang melihat
menyedapkan telinga yang mendengar.

Dengarlah adikku,
alangkah bangganya ibu dan ayah
tatkala melihat kita
menjadi insan yang berjaya juga berperibadi mulia.

1. Apakah kepentingan menjaga tutur kata?
 - A Membantu kita menuturkan kata-kata
 - B Mengelakkan kita daripada berasa bisa
 - C Memastikan perasaan kita sentiasa dijaga oleh orang lain
 - D Mengelakkan kita daripada menuturkan kata-kata yang boleh menyinggung perasaan orang lain

2. Mengapakah penyajak menasihati adiknya agar berbudi bahasa?
 - A Supaya dia disenangi oleh semua orang
 - B Supaya dia boleh melihat dengan jelas
 - C Supaya dia boleh mendengar dengan baik
 - D Supaya dia boleh menghiburkan hati orang lain

3. Pernyataan yang **tidak benar** dalam sajak ialah
 - A kekasaran tutur kata boleh menyakitkan hati orang lain
 - B kita boleh membalas jasa ibu bapa dengan menjadi insan yang baik
 - C masa hadapan kita boleh terjejas jika kita tidak bijak mengawal tingkah laku
 - D ibu bapa akan berasa tidak senang hati jika kita menjadi insan yang berjaya

4. Apakah maksud rangkai kata bicara manis dalam sajak?
 - A Memberikan senyuman yang menawan ketika bercakap
 - B Menikmati makanan yang manis sebelum bercakap
 - C Bercakap dengan hati yang riang
 - D Tutur kata yang baik dan elok

3. Baca teks syarahan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Yang Dihormati Tuan Pengerusi Majlis, barisan hakim yang adil lagi bijaksana, guru besar Sekolah Kebangsaan Kampung Baru, guru-guru, para peserta pertandingan syarahan anjuran Persatuan Bahasa Melayu dan rakan-rakan sekalian. Selamat pagi dan salam sejahtera saya ucapkan.

Sidang hadirin sekalian,

Demam denggi dibawa oleh nyamuk aedes. Penyakit demam denggi yang dibawa oleh nyamuk aedes amat berbahaya dan boleh membawa maut. Disebabkan penyakit ini amat berbahaya dan vaksin untuk merawat penyakit ini belum ditemui, maka kita perlu sama-sama membendungnya.

Langkah pertama yang perlu diambil ialah kita perlu menghapuskan sarang pembiakan nyamuk aedes. Nyamuk aedes membiak di dalam air jernih yang bertakung. Justeru, tempat-tempat yang menakung air seperti tin dan botol kosong perlu dihapuskan agar tidak menjadi sarang pembiakan nyamuk aedes. Selain itu, air di dalam pasu bunga, takungan dan kolah juga perlu sentiasa ditukar untuk mengelakkan pembiakan jejentik.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Kita juga boleh berjaga-jaga daripada serangan nyamuk aedes dengan memasang jaring yang boleh menghalang kemasukan nyamuk ke dalam rumah. Tiada salahnya kita mengeluarkan sedikit wang untuk memasang jaring pada tingkap dan pintu demi keselamatan kita sekeluarga.

Hakikatnya, penjagaan kebersihan kawasan rumah perlu dititikberatkan pada setiap masa untuk mengelakkan nyamuk aedes daripada membiak. Untuk menjamin kesihatan seisi keluarga juga, penggunaan racun serangga dan kelambu juga boleh menyelamatkan kita daripada gigitan nyamuk aedes.

Akhir kata, bersama-sama kita membendung wabak demam denggi demi kesihatan dan kesejahteraan kita. Sekian, terima kasih.

1. Nyamuk aedes berbahaya kepada manusia kerana
 - A boleh menyebabkan mangsa yang terkena gigitannya meninggal dunia
 - B boleh menyebabkan mangsa kehilangan harta benda yang berharga
 - C boleh menyebabkan sengketa sesama ahli keluarga
 - D boleh menyebabkan kerugian yang besar

2. Mengapakah bekas yang boleh menakung air yang bersih perlu dihapuskan?
 - A Mengelakkan kita daripada digigit oleh nyamuk
 - B Mengelakkan kita daripada kehilangan tempat tinggal
 - C Mengelakkannya daripada menjadi sarang pembiakan nyamuk
 - D Mengelakkan rumah kita daripada dikunjungi pegawai dari Kementerian Kesihatan

3. Bagaimanakah pemasangan jaring boleh menyekat wabak penyakit demam denggi?
 - A Menyebabkan nyamuk aedes kehilangan tempat tinggal
 - B Menggalakkan kita menjaga kesihatan pada setiap masa
 - C Mendorong kita agar sentiasa menjaga kebersihan kawasan rumah
 - D Menyekat kemasukan nyamuk aedes ke dalam rumah, seterusnya mengelakkannya daripada menggigit kita

4. Yang berikut ialah pernyataan tentang petikan teks syarahan, **kecuali**
- A vaksin untuk merawat penyakit demam denggi masih belum ditemui
 - B bekas yang menakung air yang bersih boleh menjadi sarang pembiakan jejentik
 - C penyampai syarahan menyeru pendengar agar mengutamakan kesihatan seisi keluarga
 - D kemasukan nyamuk aedes ke dalam rumah boleh disekat dengan membina tembok yang konkrit

4. Baca petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Setiap orang pasti mahu sentiasa dalam keadaan yang sihat. Mereka sanggup menghabiskan wang ringgit demi memastikan mereka bebas daripada sebarang penyakit terutama penyakit yang berbahaya.

Tahukah kamu mengapa semua orang mahu sentiasa sihat? Sebab utama kesihatan yang baik menjadi keutamaan semua orang ialah mereka mahu sentiasa hidup dalam keadaan yang baik, bahagia dan gembira. Sekiranya mereka diserang penyakit, pergerakan mereka tentu menjadi terhad. Mereka tidak dapat lagi melakukan aktiviti-aktiviti yang digemari, di samping terpaksa menghabiskan masa dengan terbaring di atas katil. Ubat dan sesi rawatan pula menjadi teman yang paling setia.

Bagi murid-murid pula, kesihatan yang baik diperlukan untuk membolehkan mereka belajar dan mengulang kaji pelajaran dengan baik. Tubuh mereka bukan sahaja sentiasa cergas, malahan minda juga menjadi cerdas, sekali gus memudahkan proses pembelajaran. Tanggungjawab sebagai murid juga dapat dilaksanakan dengan baik, seterusnya mencapai kecemerlangan dalam pelajaran.

Apakah rahsia untuk menjaga kesihatan? Amalan pemakanan yang seimbang amat penting bagi memastikan sistem pertahanan badan sentiasa kukuh, seterusnya mengelakkan penyakit daripada menyerang kita.

Selain itu, aktiviti bersenam dan beriadah juga boleh dijadikan resipi yang utama untuk menjaga kesihatan. Tubuh badan akan sentiasa sihat dan cergas sekiranya kita sentiasa bersenam. Badan kita bukan sahaja tidak lemah, malahan kita sentiasa bersemangat untuk menjalankan pelbagai aktiviti yang digemari.

1. Kita perlu menjaga kesihatan supaya
- A kita dapat hidup dengan gembira dan bahagia
 - B kita dapat mengumpulkan wang ringgit yang banyak
 - C kita tidak perlu menjadikan ubat sebagai teman yang paling setia
 - D proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah berjalan dengan lancar

2. Apakah kesan yang akan dihadapi jika kita menghidap penyakit?
- A Kita akan kehilangan ramai rakan yang setia
 - B Kita tidak mempunyai keinginan untuk bersenam
 - C Kita menggugat minat rakan untuk mengulang kaji pelajaran
 - D Kehidupan kita menjadi kurang selesa disebabkan pergerakan yang terhad
3. Mengapakah setiap orang murid perlu menjaga kesihatan?
- A Mengelakkan wang ringgit mereka daripada kehabisan
 - B Membolehkan mereka berkenalan dengan ramai kawan
 - C Membolehkan mereka menjadi tumpuan murid-murid yang lain di sekolah
 - D Membolehkan mereka memberi tumpuan yang sepenuhnya terhadap pelajaran
4. Yang berikut ialah pernyataan tentang petikan, **kecuali**
- A pergerakan kita menjadi terhad jika kita tidak sihat
 - B wang ringgit yang banyak menjauhkan kita daripada diserang penyakit
 - C kita terpaksa bergantung kepada pelbagai jenis ubat jika diserang penyakit
 - D pengambilan makanan yang seimbang akan membentuk sistem pertahanan badan yang kukuh

5. Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Yang Mulia Tuan Pengerusi Majlis, guru-guru, ahli-ahli jawatankuasa Kempen Cintai Alam Sekitar dan murid-murid yang dikasihi sekalian. Selamat pagi dan salam sejahtera saya ucapkan.

Guru-guru dan murid-murid sekalian,

Terlebih dahulu, syabas saya ucapkan kepada pihak penganjur yang bertungkus lumus membuat persiapan bagi menjayakan kempen ini. Saya sungguh gembira kerana kalian sedar akan kepentingan menjaga dan mengekalkan alam sekitar yang bersih dan indah.

Hadirin sekalian.

Sesungguhnya masyarakat perlu dididik dari awal akan kepentingan mengekalkan keindahan alam sekitar. Justeru, nilai-nilai murni alam sekitar perlu disemai dalam diri masing-masing agar kita lebih bertanggungjawab terhadap aspek penjagaan alam sekitar. Sekiranya sikap cintai alam sekitar tersemam dalam diri kita, nescaya kita tidak akan melakukan apa jua aktiviti yang boleh mencemarkan alam sekitar. Kita juga akan lebih membuka mata akan

aktiviti-aktiviti di sekeliling kita yang boleh menjejaskan kualiti alam sekitar. Hasil dorongan sikap bertanggungjawab terhadap alam sekitar, kita akan membuat laporan kepada pihak yang berkenaan agar tindakan yang lebih wajar boleh dikenakan terhadap pihak-pihak yang terbabit.

Akhir kata, marilah kita sama-sama menanam kesedaran dalam diri akan kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar, sekali gus menyemai perasaan cinta akan alam sekitar yang bersih dan indah. Sekian, terima kasih.

1. Siapakah yang membuat persiapan bagi menjayakan Kempen Cintai Alam Sekitar?
 - A Guru besar
 - B Tuan Pengerusi Majlis
 - C Guru-guru dan murid-murid
 - D Semua ahli jawatankuasa kempen

2. Apakah tindakan yang perlu diambil jika terlihat seseorang mencemarkan alam sekitar?
 - A Melarangnya daripada menikmati keindahan alam sekitar di tempat yang lain
 - B Memaksanya membersihkan alam sekitar yang telah tercemar
 - C Menyemai nilai murni alam sekitar dalam dirinya
 - D Membuat laporan kepada pihak yang berkuasa

3. Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang petikan.
 - A Kempen Cintai Alam Sekitar dianjurkan hasil kesedaran akan kepentingan menjaga alam sekitar
 - B Nilai murni alam sekitar hanya perlu disemai dalam diri masyarakat setelah alam sekitar tercemar
 - C Masyarakat bertanggungjawab terhadap aspek penjagaan alam sekitar
 - D Tindakan yang wajar perlu diambil terhadap pencemar alam sekitar

4. Rangkai kata membuka mata dalam petikan teks ucapan bermaksud
 - A menganggap mudah
 - B meluangkan masa
 - C berganding bahu
 - D mengambil tahu